

06 AUG 1997

BN LANTIK PENERUSI NEGERI DAN PENYELARAS BAHAGIAN SABTU INI

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) Sabtu ini, antara lain, akan melantik Pengerusi-pengerusi BN Negeri dan Pengerusi-pengerusi Penyelaras BN di peringkat bahagian, kata Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, akan membuat pelantikan itu kerana tempoh perkhidmatan selama dua tahun pengerusi-pengerusi sekarang sudahpun tamat.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata mesyuarat Majlis Tertinggi BN juga akan membincangkan perkembangan semasa negara bagi mendapatkan pandangan dan sokongan setiap anggota komponen.

"Sebagai anggota komponen, pandangan dan sokongan setiap parti terhadap langkah-langkah yang diambil kerajaan dalam menangani sesuatu isu amat perlu kerana tindakan kerajaan juga merupakan tindakan BN.

"Oleh itu adalah wajar mesyuarat ini diadakan bagi membolehkan anggota BN mengetahui dan memberi sokongan kepada tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil kerajaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Penerangan di Angkasapuri di sini hari ini. . --
BERNAMA.

AH RON